

**PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN  
 UNDANGAN UNTUK MEMBERI ULASAN**

No. Rujukan : ES07380004  
 Kepada : Semua Pihak yang Berkepentingan  
 Tarikh : 23 Mac 2021  
 Tajuk : Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Terhadap Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) No. 14 Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan PEFC MTCS

SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pemantauan untuk pensijilan pengurusan hutan di FPMU No. 14 yang diuruskan oleh Sapulut Forest Development Sdn Bhd.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FPMU Sapulut – FPMU No.14 menurut standard *Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Lestari (MC&I SFM)*, berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sesalinea standard ini boleh didapati di laman sesawang Malaysian Timber Certification Council (MTCC) [www.mtcc.com.my](http://www.mtcc.com.my). Audit pemantauan ini akan dijalankan pada 24 April 2021.

Maklumat FPMU No. 14 adalah seperti berikut:

Lokasi	Daerah Tibow, Sabah
Saiz FMU	12,486.42 ha
Jenis Hutan	Dry Inland Forest
Spesies Utama	<i>Falcataria moluccana</i> (Batai), <i>Neolamarckia cadamba</i> (Laran)
Sistem Pengurusan Hutan Semasa	<i>Sustainable Forest Management (SFM)</i>

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian terhadap FPMU tersebut adalah;

- 1) Khairul Najwan Ahmad Jahari – *Lead Auditor*
- 2) Mohd Annas Amin Hj Omar – *Auditor*
- 3) Angelica Sinimis Suimin – *Auditor*

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FPMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FPMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FPMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FPMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;



7. *Peer review* ke atas draf laporan penilaian oleh dua *peer reviewers* bebas;
8. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
9. Pendedahan ringkasan kepada umum, sekiranya pensijilan diberikan kepada FPMU tersebut.

Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pemantauan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FPMU Sapulut – FPMU No. 14 berpandukan *Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Lestari (MC&I SFM)*. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaian biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FPMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

Semua pihak berkepentingan yang ingin memberikan input dan komen boleh juga melayari laman sesawang SIRIM QAS International di [www.sirim-qas.com.my](http://www.sirim-qas.com.my), atau menghubungi pegawai yang menandatangani surat ini untuk memberi komen atau input secara rahsia. SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif mahupun negatif melalui surat, faks atau emel. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima ulasan atau maklumbalas sebelum atau semasa pemantauan dijalankan dengan menggunakan slip jawapan yang dilampirkan bersama surat ini. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,



**KAMINI SOORIAMOORTHY**

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

No. Tel : 03-5544 6448

No. Faks : 03-5544 6763

Email : [kamini@sirim.my](mailto:kamini@sirim.my)

**SUP JAWAPAN**

Tarikh :

Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd  
Bangunan 4, Tingkat 1  
Kompleks SIRIM  
1, Persiaran Dato' Menteri  
40700 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p : Kamini Sooriamoorthy)

No. Faks: 03-5544 6763

**Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Untuk Unit Pengurusan Hutan  
Perladangan (FPMU) Sapulut – FPMU No. 14**

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap Unit Pengurusan Hutan Perladangan (FPMU) Sapulut – FPMU No. 14 untuk ditentusahkan oleh kumpulan juruaudit yang ditugaskan semasa audit pemantauan kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi di dalam laporan audit dan rumusan umum (*public summary*) ke atas FPMU Sapulut – FPMU No. 14.

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Organisasi : \_\_\_\_\_  
Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_